

20 APR 2002

Mahathir-Dinar/I

PERDANA MENTERI JANGKA PENGGUNAAN DINAR DAPAT BANTAHAN

MANAMA, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menjangka cadangan Malaysia bagi penggunaan Dinar sebagai mata wang bagi perdagangan antara negara akan mendapat bantahan tetapi ia masih boleh dilaksanakan.

"Jika cuma dua negara (contohnya) Malaysia dan negara lain menjalankan perdagangan menggunakan dinar emas, maka itu sudah cukup," kata beliau pada persidangan media dalam pesawat yang dalam penerbangan dari sini ke Tripoli, Libya pada Sabtu.

Dr Mahathir dan delegasi mengandungi 185 anggota sedang dalam lawatan ke negara di Afrika Utara -- Maghribi dan Libya -- serta negara Teluk iaitu Bahrain bagi meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan.

Perdana Menteri berkata apabila beliau menemui pemimpin Libya Muammar Gaddafi, pemimpin Libya itu berminat untuk mengetahui mengenai dinar.

"Kita menjelaskan kepadanya bahawa ia cuma mata wang bagi perdagangan antara dua negara. Jadi bagi ekonomi dalam negara, kamu boleh menggunakan mata wang sendiri," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata penggunaan dinar bukan sahaja meliputi negara-negara Islam tetapi juga negara-negara bukan Islam.

Dr Mahathir berkata Libya telah menyatakan minatnya untuk mengetahui lebih lanjut tentang dinar tetapi tidak berkata ia bersetuju untuk menggunakannya.

-- BERNAMA

MAD/KHY FAZ